

REAKSI ORANG MUDA

Mengaibkan pihak lain menerusi WhatsApp dan Facebook adalah trend masa ini. Apakah cara terbaik untuk mengatasi perbuatan ini?



SIKAP mementingkan diri sendiri dan tidak berfikir panjang sebelum membuat sebarang tindakan menjadi punca utama penyebaran maklumat palsu ini berleluasa. Sekatan teknologi tidak mampu menyelesaikan masalah ini kerana berpunca daripada sikap individu itu sendiri. Masyarakat perlu menyedari tindakan tersebut bukan hanya mengaibkan orang lain tetapi menunjukkan tahap pemikiran rakyat negara ini yang cetek.

NABIHAH SIHAR
Pelajar Ijazah Kejuruteraan
Mekanikal Universiti Tenaga
Nasional Berhad (Uniten)

PENYALAHGUNAAN kemudahan dan aplikasi teknologi itu perlu dikawal segera oleh pihak berkuasa supaya perkara ini tidak menular dalam kalangan masyarakat pada masa hadapan. Sepatutnya kemudahan itu digunakan dengan cara yang betul untuk kebaikan bersama.



FARIDAH MAT RASHID
Pelajar Ijazah Sarjana
Kejuruteraan Awam Universiti
Tun Hussein Onn (UTHM)

TINDAKAN mengaibkan privasi individu lain menerusi aplikasi teknologi terkini jelas membawa banyak keburukan kepada semua pihak, lebih-lebih lagi apabila perkara itu disebarluaskan secara meluas. Pihak berwajib khususnya SKMM perlu menapis dan mengawal setiap pergerakan teknologi yang mampu memberi implikasi negatif terhadap rakyat negara ini.



HASIMI MOHAMAD
Pelajar Ijazah Sarjana
Pengurusan Sumber Manusia
Universiti Utara Malaysia (UUM)



MEREKA yang menyebarkan maklumat pihak lain ini boleh disifatkan sebagai pendek akal kerana langsung tidak menyedari bahaya atas setiap tindakan tersebut. Lebih menyedihkan apabila isu-isu penting turut dijadikan bahan jenaka seperti kejadian banjir di Pantai Timur baru-baru ini. Pihak berkuasa perlu bertegas supaya tidak mengganggu urusan rasmi lain.

**MUHAMMAD SHAZRIL
MOHAMAD SAHAR**
Pelajar Kejuruteraan Awam
Universiti Tenaga
Nasional Berhad (Uniten)